

Tembok bendung jenayah, banjir

Oleh **KHAIRI MOHAMAD**
khairi.mohamad@kosmo.com.my

RANTAU PANJANG – Sempadan Malaysia-Thailand melibatkan kawasan Rantau Panjang dan Pengkalan Kubor di Kelantan dan pekan Sungai Golok serta Takbai di negara jiran itu hanya dipisahkan oleh Sungai Golok selebar antara 100 hingga 500 meter sahaja.



MAMAT

Biarpun dipisahkan oleh undang-undang dan di bawah kerajaan yang berbeza, hubungan penduduk di keempat-empat kawasan berkenaan cukup sehati kerana mereka turut mempunyai hubungan darah selain budaya dan sosioekonomi.

Bagaimanapun, kebelakangan ini, kegiatan kurang sihat di sepanjang sempadan berjalan dengan rancak terutama penyeludupan yang semakin hari dilihat oleh pihak berkuasa semakin tidak terkawal.

Kejadian jenayah yang berlaku di dalam negara baru-baru ini turut dikaitkan dengan kawasan sempadan apabila dadah dan senjata api dari negara jiran didakwa masuk dengan mudah.

Kedadaan geografi sempadan Malaysia-Thailand menimbulkan kesukaran untuk pihak berkuasa melakukan kawalan rapi sehingga menyebabkan penyangak yang melakukan jenayah di negara ini mengambil kesempatan melarikan diri dan bersembunyi di Thailand.

Bagaimanapun, kelemahan itu disedari kerajaan yang mengambil inisiatif mengetatkan kawalan sempadan melalui beberapa mekanisme termasuk cadangan membina tembok di sepanjang 121 kilometer (km) kawasan Sungai Golok seperti yang diumumkan oleh Menteri Dalam Negeri, Datuk Ahmad Zahid Hamidi baru-baru ini.

Kerajaan negeri Kelantan pula sedia memberi kerjasama penuh kepada kerajaan Pusat terhadap sebarang cadangan berhubung tujuan tersebut.

Bagi Pengerusi Pertubuhan Penggerak



IRWAN MAJID

BEBERAPA penduduk bebas keluar masuk antara Malaysia dan Thailand melalui Sungai Golok berhampiran Rantau Panjang, Kelantan baru-baru ini.

Wawasan dan Kebajikan Parlimen Rantau Panjang, Mamat Jusoh, pembinaan tembok merupakan langkah paling wajar untuk meningkatkan kawalan keselamatan dan membanteras penyeludupan yang merugikan negara.

Beliau yakin, ia mampu mengekang sehingga 70 peratus kegiatan haram itu.

“Penduduk sempadan dan kegiatan membawa masuk barangan seludup boleh dikatakan sudah sehati. Malah, kalau tembok dibina pun, pasti akan ada cara lain mereka gunakan.

“Tetapi saya percaya, ia akan berupaya menyekat kegiatan itu berlaku sewenang-wenangnya seperti pada masa ini,” katanya ketika mengulas cadangan tersebut baru-baru ini.

Mamat menjelaskan, walaupun projek itu bakal menelan belanja besar, kerajaan akan mendapat keuntungan dalam jangka panjang kerana barangan tidak lagi mudah diseludup.

“Hasil kutipan cukai sudah tentu akan meningkat selain kerajaan dapat mengeluarkan permit import bagi beberapa barangan seperti beras dan haiwan ternakan,” katanya.



KERATAN *Kosmo!* 15 September 2013.

INFO Kawasan di sepanjang Sungai Golok

- Jarak meliputi 121 kilometer
- Sungai Golok seluas 100 meter memisahkan antara Malaysia dan Thailand
- Didiami kira-kira 150,000 penduduk
- Antara kampung di kawasan tersebut Jeram Perdah, Lubok Gong, Bendang Pak Yong, Bukit Lata, Kuala Jambu
- Kebanyakan penduduk bekerja sebagai petani, pemungkah barang dan segelintir mencari makan dengan menyeludup barangan seperti petrol, diesel, minyak masak, gula dan tepung gandum

Keselamatan penduduk lebih terjamin

RANTAU PANJANG – Cadangan pembinaan tembok untuk membanteras aktiviti penyeludupan dan jenayah di sempadan Malaysia-Thailand melegakan sebahagian besar penduduk di sepanjang kawasan tersebut.

Seorang penduduk, **Nafisah Abdul Rahman, 53**, memberitahu, idea berkenaan lebih baik berbanding cadangan awal untuk memindahkan semua penduduk di sepanjang Sungai Golok.

Menurutnya, kewujudan tembok berkenaan bakal menjamin keselamatan penduduk daripada kegiatan jenayah.

“Jika kerajaan benar-benar mahu mengawal kawasan sempadan, pembinaan tembok amat dialu-alukan kerana ia pasti dapat mengawal kegiatan yang tidak sihat terutama melibatkan jenayah yang juga merisaukan penduduk di kawasan ini,” katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Nafisah tinggal di sebuah rumah yang terletak kira-kira 50 meter dari Sungai Golok sejak 39 tahun lalu.

Dalam pada itu, bagi **Hussain Kamal, 41**, cadangan membina benteng atau tembok dili-



HUSSAIN



NAFISAH

